

13/09/1997

Dr Koh mahu betulkan fakta dalam Asiaweek

GEORGETOWN, Jumaat - Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan menghantar surat kepada majalah Asiaweek untuk memperbetulkan kesilapan fakta yang ditulis oleh Rogger Mitton dalam sebuah rencana mengenai Pulau Pinang keluaran 5 September lalu.

Beliau berkata, Asiaweek mempunyai hak untuk menulis rencana itu dan beliau juga berhak memberi reaksi terhadap tulisan itu berikutan laporan itu mengandungi maklumat palsu dan mengelirukan orang ramai.

Koh berkata, tindakannya membidas Asiaweek beberapa hari lalu kerana khuatir rencana mengenai Pulau Pinang itu boleh memberi implikasi negatif kepada ekonomi negeri.

"Saya akan menghantar surat kepada Asiaweek untuk memperbetulkan kesilapan fakta yang ditulis oleh penulis terbabit (Mitton)," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas rencana Mitton selepas merasmikan pembukaan bangunan baru tambahan Hospital Penang Adventist di sini, hari ini.

Beliau menyifatkan rencana Mitton itu berniat jahat dan bermaksud mencetuskan perselisihan faham antara pemimpin negeri dan Pusat.

Antara kandungan rencana itu mendakwa ekonomi Pulau Pinang hanya akan pulih apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri.

Penulis terbabit juga mendakwa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersikap pilih kasih dengan mengabaikan Pulau Pinang tetapi memberi layanan paling istimewa pada negeri kelahirannya, Kedah serta Pulau Langkawi.

Mitton dalam rencananya juga mendakwa Pulau Pinang yang pada satu ketika dulu dikenali dunia dalam pelbagai aspek kini hilang kelebihan itu termasuk sektor industri yang semakin ketinggalan berbanding Selangor (melalui Koridor Multimedia) dan Kedah (Taman Teknologi Kulim).

Ketua Menteri membidas majalah berkenaan melalui kenyataan akhbar dua hari berturut-turut.

Koh berkata, Mitton menyatakan beliau ada menghantar faks kepada pejabatnya pada 14 Ogos lalu untuk mewawancaranya pada keesokan harinya tetapi mulai 15 hingga 17 Ogos, beliau mempunyai tugas di Kuala Lumpur.

Menjawab pertanyaan sama ada rencana itu menjejaskan iklim pelaburan di negeri ini, beliau berkata, artikel itu mungkin tidak menjejaskan pelabur lama tetapi beliau bimbang ia akan mempengaruhi pelabur dan pelancong baru.

"Kerajaan negeri bersedia menerima pelbagai kritikan atau teguran membina daripada orang ramai tetapi dalam kes ini (Asiaweek) saya kecewa kerana selain tidak mewawancara saya dan Exco lain, rencana yang dipaparkan berniat melaga-lagakan pemimpin negeri dan Pusat," katanya.

(END)